# Peranan Media Massa Memartabatkan Integriti Nasional

**Mohd Hamdan Haji Adnan**

*Artikel ini membincangkan mengapa media massa perlu memelihara dan memartabatkan integriti nasional dan apakah padahnya jika ia tidak berfungsi sedemikian. Antara isu lain yang turut dibincangkan ialah pendekatan untuk memelihara integriti nasional, perundangan media massa yang mendukung usaha memartabatkan profesion kewartawanan, penubuhan majlis media dan peranan SUHAKAM selaku badan yang menjaga kebebasan bersuara serta membela kepentingan rakyat daripada sebarang penindasan terhadap hak asasi manusia.*

**Kata kunci:** Media massa, majlis media, media sosial, integriti nasional dan reputasi.

## Pengenalan

Usaha saluran media massa sama ada yang tradisional, konvensional, mahupun media sosial melalui Internet, untuk memelihara integriti nasional harus sentiasa dipantau dan dilestarikan. Sekiranya media massa tidak dipantau dengan berkesan ia boleh saja terpesong ke arah kegiatan negatif seperti menabur fitnah serta pembohongan yang pasti boleh merosakkan nama baik, bukan sahaja individu, khususnya pemimpin, tetapi juga reputasi negara seperti integriti nasional.

Dalam hal ini media massa merupakan alat sebaran am atau teknologi penyebaran awam seperti akhbar, buku, majalah, radio, televisyen dan Internet yang mampu menemui khalayak yang besar seperti penduduk sesebuah negara. Istilah media massa diperkenalkan pada tahun 1920-an dengan teknologi rangkaian radio yang luas, akhbar serta majalah yang diedarkan dalam kapasiti yang besar. Walau bagaimanapun, beberapa bentuk media massa seperti buku dan manuskrip sudah digunakan sejak berkurun lamanya. Istilah media awam mempunyai makna yang sama: ia merangkumi berita dan genre hiburan yang diterbit melalui surat khabar, televisyen, radio, dan apa juga bentuk bentuk penyiaran lain, yang mungkin memerlukan penglibatan persatuan dalam pasaran media yang besar seperti Newspaper Guild, AFRTRA dan penerbit teks (Wikipedia, 2014).

Pada zaman 'dunia di hujung jari' atau 'penerangan di hujung jari' ini, konsep serta pengertian media massa kian meluas kerana pelbagai maklumat boleh didapati melalui Internet. Penggunaan Internet ibarat makanan ruji penduduk dunia masa kini. Maka, tidak hairanlah, semakin hari, semakin banyak program aplikasi yang diwujudkan seperti facebook, Twitter, skype, viber, blogspot dll. Organisasi yang mengendalikan teknologi media massa juga dikenali sebagai organisasi media massa dalam industri komunikasi.

Istilah integriti pula sebenarnya berasal dari bahasa Inggeris yang bererti *keutuhan* dari semua segi yang ideal. Ia biasanya menjurus ke arah perwatakan seseorang. Mengikut Kamus Dwibahasa, 1985, integriti ialah kejujuran dan ketulusan; kesempurnaan dan keutuhan. Dari maksud yang didapati dari kamus tersebut, integriti adalah sifat *jati diri* yang merangkumi keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh dipercayai, boleh pegang cakapnya, dll.

Integriti kepada organisasi resminya merujuk kepada pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan, sistem dan proses kerja serta pematuhan amalan terbaik. Kod etika organisasi budaya (Pelan Integriti Nasional).



**Integriti elemen penting bentuk sahsiah masyarakat**

Kesedaran laksana amanah, berakhlak mulia dalam setiap aspek angkat kemuliaan ummah

Sharifah Hayati

KOMITED dan berdedikasi dalam menjalankan tugas mampu memupuk integriti dalam diri seseorang pekerja.

*Sesiapa melakukan amal yang baik, maka baginya (pahala) sepuluh kali lipat amalnya; dan barang siapa yang melakukan perbuatan jahat maka dia tidak diberi pembalasan melainkan seimbang dengan kejahatannya, sedang mereka sedikitpun tidak dianiaya (dirugikan)*

Surah al-An'am

Sumber: Laman Web SPRM

Pelan Integriti Nasional (PIN) adalah satu pelan atau rancangan yang dirancang serta dilancarkan oleh kerajaan Malaysia dengan fokus utamanya untuk menanam dan

memupuk budaya etika dan integriti di kalangan semua lapisan masyarakat Malaysia. Budaya etika dan integriti ini adalah amat penting dalam mana-mana organisasi kerana ia memastikan perlaksanaan apa jua program serta matlamat dicapai dengan baik secara beretika. Pelan ini membolehkan Kerajaan merancang pelbagai program secara teratur dalam usaha membudayakan etika dan integriti masyarakat. Sebelum ini telah terdapat pelbagai usaha yang dilakukan, tetapi didapati usaha tersebut tidak tekal dan tidak menyeluruh, dan akibatnya sebilangan besarnya menemui kegagalan terutamanya dalam usaha mewujudkan sinergi semua sektor. Masalah ini mungkin kerana terdapat halangan seperti sikap individu, kepimpinan sesebuah organisasi, sistem penyampaian atau karenah birokrasi, serta disiplin dan budaya masyarakat itu sendiri dalam melaksanakan satu-satu program.

Skop dan konsep yang dibawa oleh PIN kelihatannya lebih menyeluruh dan holistik dalam konteks memberi panduan kepada setiap komponen masyarakat untuk membudayakan integriti. PIN telah dilancarkan pada April 2004, oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah Ahmad Badawi. Ini selaras dengan cabaran keempat Wawasan 2020, iaitu untuk membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.

Bagi menjayakannya, semua pihak harus terlibat, terutamanya bagi media massa yang pengaruhnya kian meningkat dengan rakyat semakin terdedah kepadanya. Peranan media massa bagi memelihara integriti nasional dibuat berasaskan tanggungjawabnya dalam menjamin kepentingan awam dan negara, tidak kira sama ada peranan itu direstui atau tidak oleh Kerajaan. Adalah diakui antara peranan terpenting media massa adalah untuk mendedahkan sebarang kemungkaran yang melibatkan kepentingan awam serta sentiasa memastikan hak rakyat terbela. Maka, resminya pihak media massa merasakan menjamin kepentingan awam dan integriti nasional adalah antara tanggungjawab utama bagi memastikan kredibilitinya dilestarikan.

Di samping itu, usaha mempertahankan integriti negara turut menguntungkan pihak media massa sendiri. Ini kerana dengan adanya kredibiliti pihak media akan terus menjadi sumber maklumat yang dipercayai dan diyakini. Harus ditegaskan bahawa lumrahnya pada masa kini pihak media massa di Malaysia adalah syarikat yang mencari keuntungan, meskipun melalui Internet. Namun, para blogger tetap ada keistimewaan tersendiri dalam hal kebebasan bersuara yang tidak dikongkong oleh dasar syarikat. Bagaimanapun, semua media massa perlu mematuhi setiap undang-undang negara yang berkaitan dengan media dan komunikasi massa.

Lazimnya, liputan mendalam mengenai penindasan, rasuah, salah guna kuasa dan apa juga salah laku akan meningkatkan bilangan pelanggan bagi media berkenaan serta pengaruh dan pendapatannya. Sebaliknya, media massa yang dianggap kurang menyempurnakan tugas ini akan hilang kredibiliti dan integriti serta pelanggan. Ini pernah terjadi kepada beberapa media utama di Malaysia ketika kes Anuar Ibrahim hangat diliputi. Ketika itu, pihak media massa khususnya yang dianggap perdana dipersepsi sebagai terlalu prokerajaan. Padahnya, kepercayaan pengguna terhadap mereka cepat merosot lalu mengakibatkan kehilangan pelanggan yang hampir memufliskan syarikat-syarikat media terbabit. Organisasi-organisasi media berkenaan telah mengambil masa untuk mendapatkan kredibiliti dan pelanggan mereka kembali demi memastikan keuntungan serta kelestariannya.

Sebaliknya, dalam kes ini juga beberapa akhbar alternatif yang dianggap memberi liputan yang tepat dan jujur mendapati jualan atau pelanggannya melambung. Dalam pada itu saluran maklumat dalam Internet turut menjadi popular. Misalnya, akhbar dalam Internet seperti Malaysiakini dan beberapa blog menyokong pihak yang dianggap menjadi mangsa ketidakadilan terus melipatgandakan jumlah khalayak mereka. Di sini terlihat terdapat signifikannya kewibawaan dan integriti sebagai dua unsur yang berperanan penting dalam mendapatkan sokongan dan keuntungan lestari bagi pihak media.

Integriti bukan sahaja menentukan 'maju' atau matinya sesuatu media, ia juga mampu menentukan kedudukan survival para pemimpin dan negara. Seseorang pemimpin yang integritinya dipersoalkan tentunya akan cukup sukar mempertahankan kedudukannya. Malah, apabila integriti sesebuah negara diragui, jumlah pelabur dan pelancong akan merosot, jumlah rakyat resah dan tidak berpuas hati turut meningkat. Contohnya, apabila sesebuah negara diberi liputan meluas kerana tidak menghormati hak asasi manusia sudah pasti jumlah kemasukan pelabur asing dan pelancong akan jatuh menjunam. Ini pernah berlaku kepada beberapa negara di Asia Tenggara.

Maka amat wajarlah Malaysia, di bawah kepimpinan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak turut memberi tumpuan kepada pemeliharaan dan peningkatan integriti negara.

Keperluan untuk meningkatkan integriti nasional juga kian dirasai. Dalam era globalisasi yang pesat dengan pelbagai pertubuhan antarabangsa, seperti Tranparency International, Amnesty International, media global dan pelbagai lagi jaringan yang jumlahnya sentiasa meningkat, gerakan mencari kelemahan sesebuah negara termasuk kedudukan integritinya seringkali menjadi agenda syarakat dunia. Sebagai contoh kedudukan kebebasan akbar di Malaysia saban tahun kian merosot. Ini jelas apabila kumpulan Wartawan Tanpa Sempadan meletakkan Malaysia pada tangga 145 daripada 179

negara dalam Indeks Kebebasan Media Dunia 2013. Ini menunjukkan penurunan 23 anak tangga berbanding pencapaian Malaysia pada 2011/2012.

Dalam hal ini sudah tentu ramai penyokong kerajaan akan merasakan penilaian ini adalah berat sebelah serta tidak berlandaskan kepada realiti kebebasan media Malaysia di bawah pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak. Misalnya, Kelab Wartawan Muda Malaysia (KWMM) mempertikaikan penilaian kumpulan Wartawan Tanpa Sempadan yang meletakkan Malaysia di tangga 145 dari 179 negara dalam Indeks Kebebasan Media Dunia 2013. KWMM menganggap penilaian itu yang menunjukkan penurunan 23 anak tangga berbanding pencapaian pada 2011/2012 sebagai berat sebelah serta tidak berlandaskan kepada realiti kebebasan media Malaysia di bawah pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak. KWMM juga menolak sama sekali dakwaan kumpulan yang berpangkalan di Paris itu yang menjadikan perhimpunan Bersih 3.0 pada 28 April tahun lalu sebagai alasan untuk menuduh kerajaan Malaysia menyempitkan saluran akses kepada maklumat (Bernama, Jan 31, 2013).

Di Malaysia dengan adanya Pelan Integriti Nasional (PIN) keperluan media untuk melibatkan diri dalam memajukan integriti rakyat dan negara kian dirasai dan diiktiraf. Apa yang dimaksudkan sebagai integriti juga kian jelas. Melalui PIN suatu jentera menyeluruh untuk melibatkan semua sektor termasuk badan swasta, parti politik, pertubuhan bukan kerajaan, pertubuhan agama, media, pertubuhan wanita, belia dan pelajar bersama-sama dengan kerajaan dibentuk dalam gerakan pemantapan integriti dengan padu. Menjadi pedoman bagi penggubalan dan pelaksanaan PIN ialah semangat dan prinsip Perlembagaan Persekutuan, falsafah dan prinsip Rukun Negara serta aspirasi Wawasan 2020.

Sebenarnya, PIN berusaha memenuhi cabaran keempat Wawasan 2020. Iaitu: *"membentuk sebuah masyarakat yang kukuh cici-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur."*

Penggubalan PIN diperkasakan dengan mempertimbangkan keseluruhan pandangan dan cadangan yang dihasilkan melalui satu siri seminar kebangsaan yang berlangsung selama dua bulan. Ia disertai oleh hampir semua sektor yang turut melibatkan pihak media.

Sasaran PIN bagi tempoh 2004-2008 yang dikenali sebagai TEKAD 2008 ialah isu-isu yang sentiasa mendapat perhatian media massa, sama ada pada masa lampau, kini atau masa depan, di Malaysia atau pada tahap global. Antaranya ialah:

1. *Mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa secara berkesan;*

2. *Meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi karenah birokrasi;*
3. *Meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan;*
4. *Memantapkan institusi keluarga; dan*
5. *Meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.*

Untuk menjayakan TEKAD 2008, PIN berusaha menggerakkan semua sektor ~~yang~~ termasuk unit keluarga, komuniti dan masyarakat sivil supaya selaras dan bekerjasama bagi melaksanakan semua rancangannya. Gerakan pemantapan PIN ini tertumpu kepada peningkatan integriti daripada peringkat akar umbi sehingga kepada pucuk kepimpinannya.

Adalah dirasakan bahawa gerakan pemantapan integriti yang dipacu oleh PIN serta diselaraskan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) akan membolehkan Malaysia secara teratur mencapai cita-cita menjadi sebuah masyarakat maju berintegriti menurut acuan sendiri. Namun begitu, peranan media massa dalam memastikan integriti negara terjamin turut diperlukan. Maka, adalah penting bagi pihak media untuk turut sama menyertainya memandangkan bahawa media kini kian berpengaruh dengan khalayaknya yang berpendidikan tinggi dan berilmu. Penglibatan rakyat menyuarakan pendapat dan rintihan mereka melalui media massa juga kian meningkat. Beberapa ruang dan program di media memberi peluang kepada rakyat untuk bersuara. Rakyat pula semakin berani bersuara melalui media massa. Sifat media dalam talian yang lebih bebas misalnya membuka ruang kepada khalayak untuk bersuara lantang. Media sosial pula menjadi alat sebaran am yang bersifat peribadi dan memberikan ruang luas untuk suara-suara lantang dan menentang terutamanya pihak pembangkang dan individu yang berdiri atas prinsip keterbukaan minda.

Akhir-akhir ini ~~kini,~~ liputan media dalam talian kian menyeluruh dan mendalam, bersifat interaktif serta peribadi. Jumlah rakyat menggunakan Internet dan blog untuk berkomunikasi dan mendapatkan maklumat juga bertambah (18 juta pengguna Internet pada tahun 2012, Internet World Stats, 2014). Dengan kerajaan aktif membudayakan penggunaan ICT maka kadar rakyat yang mahir menggunakannya turut meningkat mendadak. Teknologi komunikasi pula kian mesra pengguna. Akses dan laluannya pula meningkat pesat. Media Internet, dan khususnya media sosial seharusnya digunakan sebaik-baiknya bagi memelihara integriti negara oleh semua pihak yang cintakan Malaysia. Jika, tidak kemungkinan besar pihak kurang bertanggungjawab akan menyalahgunakannya.

Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata meskipun rakyat di negara ini bebas menggunakan media sosial namun kawalan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dikuatkuasakan secara tegas untuk mengambil

tindakan terhadap sebarang penyalahgunaannya. "Di bawah akta ini, lebih 6,000 laman sesawang yang melakukan kesalahan, termasuk menghina kesucian agama dan institusi beraja, telah disekat setakat April tahun 2008 (Bernama, 2 April 2008).

Menurut Ahmad Shabery: "Melindungi maklumat data peribadi adalah suatu tanggungjawab sosial yang besar kerana Industri Data Besar (Big Data) di Malaysia sedang berkembang pesat, dan ia juga merangkumi soal data peribadi serta maklumat penting sesebuah organisasi". Beliau menyatakannya dalam sidang media di KKMM di Putrajaya. Ahmad Shabery menganggarkan ketika ini terdapat kira-kira 25,000 institusi dalam negara yang dikategorikan sebagai pengguna data yang perlu mendaftar dengan JPDPM dan mematuhi akta berkenaan. Menjawab satu soalan mengenai keseriusan masalah berkaitan pembocoran maklumat data peribadi, katanya beliau difahamkan setiap bulan pihaknya menerima antara 800 hingga 1,000 aduan berhubung maklumat peribadi individu yang disalurkan kepada pihak tidak sepatutnya (Bernama, 26 November, 2010).

Maka, Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) telah menetapkan 15 November 2010 sebagai tarikh penguatkuasaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709), diperkenalkan khusus bagi mencegah penyalahgunaan data peribadi orang awam untuk tujuan komersial. Selaras dengan penguatkuasaan akta itu, semua pihak yang dikategorikan sebagai pengguna data di bawah Perintah Golongan Pengguna Data kini diberi tempoh sehingga 15 Februari 2011 untuk mendaftar dengan Jabatan Perlindungan Data Peribadi Malaysia (JPDPM). Di bawah undang-undang tersebut, adalah menjadi kesalahan bagi mereka mendedahkan data peribadi kepada pihak ketiga tanpa persetujuan pemilik. Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek yang membuat pengumuman itu berkata, akta yang diluluskan pada April 2010 itu merupakan sebahagian matlamat dasar ke-10 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, iaitu bagi menjamin keselamatan maklumat dan kebolehpercayaan serta keutuhan rangkaian dalam perlindungan data di Malaysia. Beliau berkata Malaysia merupakan negara pertama dalam kalangan negara anggota ASEAN yang menguatkuasakan akta seumpama itu, sekali gus menjadikan objektif transformasi Malaysia ke arah menjadi sebuah negara maju sebagai Hub Dunia ICT yang bakal menjadi kenyataan.

Bagi melibatkan semua sektor untuk menyertai usaha menjadikan integriti sebagai budaya negara sudah pastinya kerjasama media massa amat diperlukan. Media massa, lebih mampu melaksananya usaha murni ini secara berkesan dan murah berbanding dengan pihak lain. Ia harus dijadikan sebahagian daripada agenda utama media massa di Malaysia.

Media elektronik dan Internet satelit pula pesat berkembang dan mampu dilanggani oleh sebilangan besar rakyat sedangkan media cetak semakin mahal. Tambahan pula melalui media elektronik dan Internet para pengguna boleh mendapatkan berita secepat mungkin di mana jua pada bila-bila masa sahaja. Ini bermakna pihak berkuasa dan media massa awam yang terbabit dengan harus bertindak cepat bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Bagaimanapun, bagi membudayakan integriti, pihak media sendiri mesti diyakini berintegriti dan berkredibiliti. Di Malaysia, kredibiliti dan integriti media massa masih diragui ~~Ini~~ dan merujuk pada tanggapan ramai, ia juga termasuk media arus perdana. Masih ada pihak yang merasakan bahawa media massa di Malaysia resminya lebih bersifat 'anjing jilat' (lapdog) daripada 'anjing pengawal' (watchdog). Pada pendapat saya pandangan ini memang tidak adil kerana terdapat juga kes akhbar arus perdana yang dihentikan lesen penerbitannya kerana memperjuangkan sesuatu isu yang dianggap sensitif. Misalnya, sebuah akhbar nasional berbahasa Inggeris terkemuka telah ditarik balik lesen mencetak apabila ia dianggap oleh berkuasa telah memberi liputan meluas kepada isu-isu yang mampu membakar sentimen perkauman semasa Operasi Lalang dahulu. Beberapa akhbar venakular yang dianggap bersifat arus perdana turut dikenakan tindakan yang sama. Jika, tanggapan ini tidak dibaiki mungkin bertambah ramai pengguna Malaysia akan turut merasakan sedemikian. Maka, berkemungkinan mereka akan berpaling tadah untuk memilih media yang dianggap lebih 'berani' dan 'jujur'. Lazimnya, ini bermakna kepada media global seperti "CNN dan BBC" atau pelbagai media lain termasuk media alternatif dan 'blog' yang resminya memang sedia kritikal terhadap pihak berkuasa atau kerajaan.

Dalam pada itu pernah juga beberapa syarikat media tempatan yang bertaraf arus perdana ditarik balik lesen penerbitan mereka sebab dianggap oleh pihak berkuasa menyebarkan bahan yang mampu menjejaskan keselamatan negara. Hal ini sudah pasti membuatkan pihak media tempatan, terutamanya yang telah menjadi syarikat gergasi untuk lebih berhati-hati. Hakikatnya, setiap media massa sewajarnya berhati-hati dengan penyebaran maklumat dan jika terlibat dalam penyebaran fitnah maka ia harus dihukum secukupnya.

Seterusnya, beberapa media alternatif atau juga dikenali sebagai 'akhbar nyamuk' telah ditarik balik lesen mereka atau tidak dapat diperbaharui. Mereka pernah memohon bantuan SUHAKAM di bawah Perkara 19 Perisytiharan Sejagat Hak Asasi Manusia (UDHR). Menurut Perkara 19 UDHR: "Setiap manusia adalah berhak kepada kebebasan pendapat dan penyataan, hak ini termasuklah kebebasan berpendapat tanpa gangguan dan menuntut,

menerima serta menyebarkan maklumat dan pemikiran melalui sebarang media, tanpa mengira sempadan.”

Memandangkan bahawa hak untuk mengeluarkan lesen penerbitan adalah kuasa mutlak Menteri Keselamatan Dalam Negeri maka tidak ada apa yang boleh dibuat oleh SUHAKAM, kecuali untuk memohon jasa baik kementerian berkenaan. Apa yang boleh dibuat oleh SUHAKAM ialah memohon pindaan kepada akta-akta yang terlalu ketat mengawal media massa di Malaysia. Kawalan ketat tersebut menyekat mereka untuk berperanan selaku suara rakyat yang berkesan. Saya percaya bahawa para wartawan akan hanya berkesan memelihara integriti sekiranya mereka bersifat bebas, berkecuali dan mempunyai laluan kepada semua pihak yang mampu mempengaruhi kepentingan awam dan negara.

SUHAKAM turut menerima beberapa aduan lagi yang melibatkan perundangan lain yang mengehadkan lagi kebebasan media. Akta-akta ini lebih bersifat bagi menjamin keselamatan negara walaupun ia mampu mempertahan integriti negara seperti Akta Hasutan 1948, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, dan Akta Rahsia Rasmi 1972. Keadaan ini dirumitkan pula dengan perundangan menghina mahkamah dan pemberian pampasan yang terlalu mahal melalui Akta Fitnah 1957 yang menggerunkan pengamal media.

Adalah jelas bahawa fitnah jika tidak dibendung boleh merosakkan integriti negara. Fitnah merupakan satu perbuatan yang terkutuk dan sangat dicela oleh mana-mana agama. Firman Allah yang bermaksud: “Wahai orang yang beriman, jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidik (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara tidak diingini, dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menyebabkan kamu menyesali perkara yang kamu lakukan” (Surah al-Hujurat, ayat 6). Firman ini memberi gambaran bahawa setiap kata-kata yang disampaikan perlu diteliti dan diselidik terlebih dahulu agar kebenarannya dapat dipastikan dan khabar tersebut tidak mengandungi unsur fitnah. Hal ini bagi mengelakkan kesan buruk yang akan menimpa seseorang individu atau ahli masyarakat mahupun negara.

Rasulullah S.A.W juga bersabda. Maksudnya: “Tidak masuk syurga orang yang suka menyebarkan fitnah” (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim). Hadis Rasulullah ini menunjukkan bahawa fitnah merupakan dosa yang besar dan berat sehingga menghukum dan menghalang pemfitnah memasuki syurga. Oleh itu, Islam melarang dan mengharamkan dengan keras perbuatan fitnah. Kesan fitnah adalah sangat buruk hingga boleh memudaratkan seseorang individu, keluarga, masyarakat mahupun negara. Maka ~~itu,~~ kita

perlu menjauhkan fitnah dalam apa bentuk sekalipun dan ini termasuk melaksanakan akta-akta yang menyekat fitnah.

Walau bagaimanapun terdapat akta yang membataskan peranan media massa dan mewujudkan suasana gerun dalam kalangan pengamal media untuk menjalankan tanggungjawab mereka dengan berkesan demi kepentingan awam. Ini mungkin mengurangkan keupayaan media di Malaysia bagi membantu menjayakan sasaran TEKAD 2008 dengan sebaiknya.

Pandangan kurang keupayaan media massa ini akan berlarutan berlandaskan kepada jumlah dan kuasa perundangan yang mengawal komunikasi massa di Malaysia. Setakat ini dianggarkan terdapat lebih kurang 50 akta dan peraturan yang mengawal perjalanan komunikasi dan media massa (Mohd Hamdan Adnan, 1988).

Seterusnya, beberapa perundangan ini dianggap terlalu ketat sehingga ada akta yang tidak memberikan ruang untuk merayu di mahkamah bagi menerbitkan atau mencetak semula, seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Mesin Cetak (Pindaan) 1987.

Kuasa kerajaan menutup syarikat media yang dianggap 'melampau' tanpa ruang untuk merayu kepada mahkamah mampu melemahkan semangat pihak media untuk memelihara kepentingan awam dan integriti negara. Ia juga mungkin mendorong lebih banyak media Internet dan blog dilahirkan bagi mengimbangi kelemahan ini yang sesetengah pengkritik menganggap sebagai melampau.

Amat kritikal bagi pihak berkuasa untuk menjelaskan dengan terperinci apakah yang dimaksudkan dengan kenyataan 'melampau". Sebenarnya, ramai pihak telah menyuarakan pendapat bahawa lebih bijak memberi pihak mahkamah kuasa untuk mentakrifkannya bagi menjamin kepentingan awam dan negara serta integriti nasional terpelihara. Antara pertubuhan bukan kerajaan yang telah menuntutnya termasuklah PROHAM, FOMCA, SUARAM, ALIRAN dan sebagainya.

Keperluan untuk mendapatkan lesen penerbitan dan percetakan setiap tahun turut mengasak media massa di Malaysia supaya lebih bersikap berhati-hati atau prokerajaan daripada memelihara integriti negara. Ia juga akan memberangsangkan kelahiran lebih banyak media Internet dan blog yang mengaku berperanan memelihara integriti negara atas alasan media utama lebih berpihak kepada pihak pemerintah daripada rakyat.

Walaupun media Internet dikecualikan daripada keperluan sebarang pelesenan, mereka masih boleh didakwa di bawah Akta Rahsia Rasmi, Akta Hasutan dan Akta Penerbitan dan Percetakan serta sebagainya jika tersabit menyiarkan laporan yang tidak disukai pihak berkuasa. Akhbar Internet seperti 'Malaysiakini' telah beberapa kali ditegur

dan pejabatnya digeledah oleh pihak berkuasa supaya tidak keterlaluan membuat pendedahan atau menyiarkan kenyataan yang dianggap menjejaskan ketenteraman awam.

Terdapat juga beberapa pemilik blog didakwa oleh individu atau syarikat kerana dituduh membuat liputan yang menjejaskan kepentingan atau imej mereka. Adalah wajar bagi pihak mahkamah untuk mengambil keputusan yang menjamin kepentingan awam demi integriti pihak media massa di Malaysia.

Sekiranya ada agensi kerajaan yang tidak berpuas hati dengan liputan yang dibuat ke atas mereka, mereka hendaklah bertindak mendakwa media terbabit untuk penyelesaian terbaik bagi kepentingan awam, bukannya mencari jalan untuk menutup sahaja pihak media massa berkenaan. Bagi menjamin integriti negara sudah tentunya undang-undang harus didaulatkan dan digunakan demi keadilan sejati.

Suatu undang-undang yang dikatakan bertujuan untuk menjaga integriti negara ialah Akta Hasutan 1948. Akta ini bertujuan menghukum sesiapa yang membangkitkan soal-soal sensitif dengan tujuan menghasut dan membahayakan keselamatan negara. Ia meliputi kata-kata hasutan yang dibuat di luar dan di dalam Parlimen atau Dewan Undangan Negeri. Sesuatu kenyataan dianggap menghasut apabila menyentuh keselamatan negara atau bertujuan menghasut. Kesan hasutan tidak perlu ada pada pihak ketiga dalam kes menghasut. Akta ini dikuatkuasakan ke atas rakyat Malaysia yang berada di dalam atau luar Malaysia.

Akta Rahsia Rasmi(pindaan)1986 adalah suatu lagi contoh undang-undang yang bertujuan menjaga integriti negara. Antara lain tujuannya ialah supaya rahsia rasmi negara tidak dibocorkan kepada pihak yang ingin mendapat keuntungan serta merta atau yang boleh mengancam keselamatan negara. Jika sabit kesalahan hukumannya penjara mandatori di antara satu hingga tujuh tahun. Dokumen yang dianggap rahsia rasmi Kerajaan ialah kertas-kertas yang ditentukan sebagai "Rahsia Besar", "Rahsia Sulit" atau "Terhad" yang ditetapkan oleh Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri atau pegawai-pegawai tertentu yang diberi kuasa.

Dalam hal ini kebebasan hakim untuk mengambil keputusan yang tepat demi kepentingan awam dan negara sudah tentunya akan meningkatkan integriti mahkamah dan negara. Bagaimanapun, ini bergantung kepada kuasa mahkamah untuk mendengar kes syarikat akhbar yang telah diarah tutup oleh menteri berkenaan. Dengan rakyat yang berpendidikan dan terdedah kepada pelbagai media massa, sudah tiba masanya untuk kerajaan mempertimbangkan hak sepenuhnya kepada mahkamah berkaitan dengan liputan media massa.

Sifat pemilikan media massa di Malaysia juga dilihat sebagai mengekang keupayaannya memelihara integriti negara. Sebahagian besar daripada media utama di Malaysia adalah milik parti-parti komponen pemerintah atau individu yang prokerajaan. Maka, tidak harianlah ramai pemimpin badan bukan kerajaan yang mengadu bahawa kenyataan-kenyataan mereka yang kritikal lazimnya tidak mendapat tempat di media massa arus perdana. Diandaikan di sini bahawa agenda media massa lumrahnya ditentukan oleh pemilik-pemiliknya dan para elit politik yang memiliki kepentingan tertentu pada organisasi media massa berkenaan.

Integriti media massa turut ditentukan oleh pengamalnya dan lazimnya ia merujuk kepada wartawan. Pengamal media yang kurang berwibawa lebih berkemungkinan tidak melihat integriti sebagai prinsip yang wajib diperjuangkan. Bagi menjamin pengamal media massa yang berwibawa, beretika serta berintegriti, pihak pengamal media hendaklah bertindak secara profesional. Sama seperti profesion jurutera, arkitek, doktor perubatan, doktor gigi, jurukira dan sebagainya, pengamal media massa perlu mendapat pentauliahan badan-badan profesional mereka sendiri.

Berbeza dengan profesion lain, mereka yang berminat untuk menjadi wartawan tidak semestinya lulusan atau graduan komunikasi atau kewartawanan. Mereka boleh datang daripada apa jua disiplin pengajian. Bagaimanapun, mereka harus mendapatkan pentauliahan daripada badan profesional kewartawanan yang diiktiraf selepas lulus ujian-ujian yang ditetapkan bagi layak mendapatkan 'Sijil Pengamalan Kewartawanan'. Institusi yang sama bolehlah menarik balik pentauliahan ini sekira pemegangnya didapati melanggar kod etika kewartawanan. Jika ini berlaku, pengamal yang terbabit dilarang bertugas sebagai wartawan sehingga ia mendapatkan kembali pentauliahan tersebut. Bagaimanapun, jika wujudnya suatu badan seperti Majlis Media Malaysia maka tanggungjawab ini haruslah dalam bidang kuasanya.

Supaya langkah meningkatkan keprofesionalan dan etika wartawan ini tidak dituduh sebagai satu lagi cara bagi kerajaan untuk mengekang kebebasan media massa maka amat wajar disyorkan supaya Institut Akhbar Malaysia (IAM) dijadikan badan pentauliahan ini. Ahli-ahli lembaganya hendaklah terdiri daripada wakil syarikat media, ahli tertinggi kesatuan wartawan, para sarjana wartawan dan tokoh-tokoh pengamal media massa serta beberapa wakil kerajaan daripada agensi-agensi yang berkaitan. Sebaik-baiknya institut ini perlu mampu mendapatkan pendapatan yang mencukupi melalui kegiatannya supaya ia bebas daripada kekangan kewangan dan kebergantungannya pada pihak lain. Dengan sifat berdikarinya itu, ia tidak ditanggapi sebagai tidak bebas. Bagaimanapun, jika ia tidak

berupaya, maka kerajaan perlulah mensubsidi Institut ini pada kadar yang mencukupi bagi membolehkannya bergerak dan melaksanakan peranannya.

Kepentingan mentauliahkan wartawan adalah amat relevan kerana ia adalah profesion yang berprestij, berpengaruh dan amat berbahaya jika ia disalahgunakan. Sejarah menunjukkan bahawa wartawan mampu menggulingkan pemimpin dunia, menggoncang dan membentuk negara, malah berperanan menentukan masa depan masyarakat dunia. Misalnya, Ricard Nixon, Presiden kepada negara yang antara terkuat di dunia, Amerika Syarikat, terguling apabila pihak medianya mendedahkan tindakannya yang dianggap tidak berintegriti dan melanggar undang-undang yang dikenali sebagai 'Watergate Scandal'.

Pentauliahan tidak seharusnya dilihat sebagai satu kaedah pengawalan tetapi bagi memartabatkan profesion kewartawanan. Prinsipnya ialah untuk menjamin bahawa semua wartawan sebenarnya layak dan beretika. Dalam konteks yang selari, Institut Perhubungan Raya Malaysia (IPRM) sedang gigih merancang untuk mewajibkan pentauliahan atau akreditasi bagi mereka yang terlibat dalam kerjaya perhubungan awam. Langkah ini adalah untuk memastikan bahawa semua pengamal perhubungan awam di Malaysia benar-benar layak dan mematuhi kod amalan beretika demi menjamin kepentingan awam dan integriti serta keprofesionalannya.

Dalam konteks yang berkaitan adalah juga wajar bagi pihak media untuk menyeragamkan kod etika kewartawanan. Pada masa kini hampir setiap syarikat media massa mengakui bahawa mereka ~~ada~~ mempunyai kod etika bagi rujukan para wartawan masing-masing. Kod Etika Kewartawanan Malaysia seharusnya mengiktiraf Perkara 19 dan Perkara 12 Perisytiharan Sejagat Hak Asasi Manusia atau lebih dikenali sebagai UDHR yang turut dimaktubkan dalam Akta 597 Malaysia yang memberi kuasa bertindak kepada SUHAKAM asalkan ia tidak bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia.

Menurut Perkara 19 UDHR: "Setiap orang adalah berhak kepada kebebasan pendapat dan bersuara; hak ini termasuklah kebebasan berpendapat tanpa diganggu dan untuk mencari, menerima dan menyebarkan maklumat dan fikiran melalui sebarang media dan sempadan." Perkara 12 UDHR pula menegaskan bahawa: "Tiada sesiapa pun yang boleh diganggu sewenang-wenangnya terhadap privasinya, keluarga, rumah tangga serta surat-menyuratnya, ataupun diserang maruah dan reputasinya. Setiap orang berhak mendapat perlindungan perundangan terhadap gangguan atau pencerobohan sedemikian.

Walaupun Malaysia belum memaktubkan Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Sivil dan Politik, namun adalah wajar Kod Etika Kewartawanan Malaysia mengambil maklum Perkara 19 dan 20 iaitu:

1. Semua orang berhak memberikan pendapatnya tanpa sebarang gangguan.

2. Setiap orang mempunyai hak kebebasan untuk mengemukakan pendapat, hak ini meliputi kebebasan untuk mencari, menerima dan menyebarkan maklumat dan semua jenis pemikiran, terkecuali daripada halangan-halangan, secara lisan, secara penulisan atau secara percetakan, dalam bentuk seni, atau melalui mana-mana media pilihannya.
3. Pelaksanaan hak-hak yang diperuntukkan dalam perenggan 2 dalam fasal ini mempunyai tugas dan tanggungjawab yang khusus. Maka, ia boleh dikenakan sekatan-sekatan tertentu, tetapi hanya mengikut undang-undang dan hanya jika diperlukan:-
   a) Untuk menghormati hak-hak atau reputasi orang lain.
   b) Untuk perlindungan keselamatan negara atau ketenteraman umum, atau tujuan kesihatan atau moral umum.

a. Perkara 20 Kovenan ini turut menentukan bahawa:
   I. Sebarang propaganda untuk peperangan dilarang oleh undang-undang.
   II. Sebarang tindakan yang menggalakkan kebencian atas dasar kebangsaan, bangsa atau agama yang merupakan hasutan untuk melakukan diskriminasi, permusuhan atau keganasan dilarang oleh undang-undang.

Penguatkuasaan Kod Etika Wartawan Malaysia sebaik-baiknya diletakkan di bawah Majlis Media Malaysia. Banyak telah diperkatakan mengenai penubuhannya. Ada yang mencadangkan agar ia lebih bersifat kuasa moral dan dikawal selia kendiri oleh pihak media dan wartawan. Terdapat juga pihak yang mencadangkan supaya ia ditubuhkan berasaskan suatu akta khusus jika ia mahu memainkan peranan yang bermakna. Dalam pada itu, terdapat juga pihak yang merasakan tidak perlu diwujudkan Majlis Media kerana telah terlalu banyak akta dan peraturan yang mengawal media ia hanya boleh ditubuhkan selepas akta-akta yang mengongkong media mansuhkan.

Walau apa pun haluan perdebatan yang terbangkit, penubuhan Majlis Media Malaysia amat kena pada waktunya. Bagaimanapun, keraguan pihak yang menganggapnya sebagai suatu lagi cara mengawal media perlulah perjelaskan. Majlis ini seharusnya bertindak sebagai badan yang bebas dan di bawah kawal kendiri. Kewujudannya penting bagi menjamin kewibawaan dan integriti wartawan terpelihara. Sebilangan besar ahli majlis ini sebaiknya dilantik daripada kesatuan wartawan dan syarikat media dan yang lainnya daripada tokoh-tokoh media yang terkemuka dan wakil-wakil kerajaan dari agensi-agensi yang berkaitan.

Majlis Media Malaysia ini diberikan kuasa mengeluarkan kad akreditasi wartawan kepada mereka yang sah memiliki kelayakan dan pengalaman yang ditetapkan, sama ada wartawan tempatan atau asing. Kad akreditasi tersebut hendaklah dihormati oleh semua pihak untuk mengiktiraf para wartawan dalam kerja-kerja kewartawanan tanpa gangguan.

Bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa bukan sahaja kerajaan, pemilik dan wartawan semata-mata yang boleh menjejaskan kebebasan akhbar. Malah kecenderungan pihak akhbar kepada keuntungan, tarikan kewangan, ideologi dan populariti turut mempengaruhi kebebasan media serta kewibawaannya.

Analisis terperinci akan menunjukkan bahawa dengan ekonomi mana-mana negara jua menjadi lebih global dan kian diterajui oleh maklumat. Dengan itu mengawal sumber-sumber maklumat dan ilmu, menjadi senjata bagi mendapatkan pengaruh dan modal. Kawalan media oleh para pemilik dan pengurus, serta penguatkuasaan perundangan menjadi alat yang berkesan untuk menggarap sumber kekayaan dan kuasa. Hakikat ini mengancam demokrasi.

Pada perspektif lain, nilai sesuatu maklumat atau berita itu akan merosot sekiranya kredibiliti dan integritinya dipersoalkan. Akibatnya, pendapat umum lebih mudah dipengaruhi oleh sumber-sumber alternatif lain seperti Internet dan media satelit termasuk rangkaian sosial yang menghubungkan rakan-rakan, ahli-ahli keluarga dan kumpulan-kumpulan masyarakat maya.

Sesebuah komuniti yang menghadapi krisis ekonomi atau kekecewaan politik amat mudah dipengaruhi oleh pandangan alternatif dan khabar angin. Lumrahnya, suatu kegawatan maklumat akan mendahului suatu krisis kredibiliti yang mengakibatkan krisis integriti dan legitimasi.

Seterusnya, menuntut pihak media massa supaya setia kepada kerajaan sehingga menjejaskan maklumat yang tepat, lengkap dan terkini mampu memudaratkan rakyat dan negara. Tekanan sedemikian ke atas media massa akan merosotkan kredibiliti dan integriti semua pihak terbabit termasuk kerajaan dan media massa. Kepentingan awam kemungkinan besar mudah terancam. Usaha murni kerajaan untuk melahirkan ekonomi maklumat dan masyarakat berilmu juga akan terkekang.

Maka, wajarlah bagi semua pihak untuk memastikan sumber maklumat mempunyai integriti dan disalurkan melalui media massa yang boleh dipercayai, berwibawa dan berintegriti. Sumber maklumat dan media yang berkredibiliti, bebas dan berintegriti adalah kunci kepada urus tadbir negara terbaik yang mampu berdaya saing dalam suasana kesengitan ekonomi global. Ia juga akan mempercepatkan proses menjadikan negara ekonomi ilmu dan masyarakat berilmu serta berintegriti. Dalam usaha melahirkan ekonomi

ilmu dan masyarakat berilmu hampir kesemua seminar mengenai media massa yang telah diadakan sejak 1980-an di Malaysia telah menyarankan supaya mewujudkan suatu Akta Kebebasan Maklumat bagi memastikan rakyat mendapat data yang diperlukan demi menjamin kesejahteraan mereka. Ramai pihak berpendapat bahawa memudahkan laluan maklumat kepada rakyat dan pihak media adalah penting usaha memperkukuhkan integriti negara.

Akta Kebebasan Maklumat seharusnya menjamin laluan media massa kepada sumber maklumat yang diperlukan. Sudah terdapat beberapa negara di Asia yang menggubal Akta Kebebasan Maklumat termasuklah Filipina, Hong Kong, Thailand, Korea Selatan dan Jepun. Tibalah masanya bagi Malaysia untuk menggubal Akta Kebebasan Maklumat dan meminda semua perundangan yang bercanggah dengannya. Akta ini dilihat boleh merangsangkan peranan media massa untuk memelihara integriti negara di samping meningkatkan kewibawaannya sendiri.

Dengan adanya suatu akta yang mendaulatkan hak rakyat untuk memperoleh maklumat yang benar sudah pastinya akan mendorongkan pihak media massa untuk bertindak bebas memperkukuhkan lagi usahanya bagi meningkatkan sistem integriti negara iaitu antara lain termasuk:

1. Urus tadbir kerajaan terbaik yang termasuk ketelusan dan kebertanggungjawaban.
2. Pilihan raya yang bebas dan adil.
3. Laluan rakyat kepada maklumat rasmi.
4. Kehakiman yang bebas dan berintegriti.
5. Sektor perdagangan yang bertanggungjawab.
6. Ketua Audit negara yang berkesan dan berintegriti.

Akhir kata, perlu ditegaskan bahawa memelihara integriti negara adalah tanggungjawab semua pihak. Dengan pengaruhnya yang signifikan, pihak media seharusnya memastikan bahawa semua pihak turut terlibat secara beretika dan telus dalam hal mengangkat integriti dan memeliharanya. Selari dengan prinsip sedemikian pihak kerajaan dan NGO harus memastikan pihak media menjalankan tanggungjawab ini dengan beretika dan berkesan.

## Rujukan

Ahmad Lutfi Othman (6 Jun 2007). *Bersama Harakah hadapi pilihan raya ke-12*. Harakah Daily.

Altheide, David L. & Johnson, John M (1980). *Bureaucratic Propaganda*. Boston: Allyn and Bacon, Inc.

Asiah Sarji (1991). Penyiaran dan Masyarakat. Kuala Lumpur: DBP.

Chomsky, Noam and Herman, Edward (1988). *Manufacturing Consent: The Political Economy of the Mass Media*. New York: Pantheon Books.

Ellul, Jacques (1965). *Propaganda: The Formation of Men's Attitudes*. New York: Random House.

Halimahton Shaari & Kiranjit Kaur (2012). Standards in the Communication and Media Professions: An Examination of Ethical Codes in Malaysia in Media and Regional Issues. Shah Alam: UiTM.

Jowett, Garth S. and Victoria O"Donnell (1973), *Propaganda and Persuasion*, 5th edition. California: Sage Publications.

Kamus Dwibahasa (1985). Kuala Lumur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Kod Etika Kewartawanan Malaysia (2010). Kuala Lumur: Institut Akhbar Malaysia.

Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Sivil dan Politik (2006). Petaling Jaya: Era Consumer.

Kuypers, Jim (2002). *Press Bias and Politics: How the Media Frame Controversial Issues*. Westport, CT: Praeger.

Modul Kenegaraan Malaysia (2011: 179-180). Institut Integriti Malaysia.

Mohd Hamdan Adnan (1988). *Communication and the Law in Malaysia.* Shah Alam: Institut Teknologi Mara.

Mustafa K. Anuar (2002). Malaysia: A Critical Reading on the Media in Watching the Watchdog – Media Self-Regulation in Southeast Asia. Thailand: FES.

Pelan Integriti Nasional(2014). Kuala Lumur: Portal Rasmi Institut Integriti Malaysia.

Shamsul Amri (2007). Budaya Yang Tercabar. Kuala Lumpur: DBP.

Suhakam (2003). A Case for Media Freedom – A Case For Media Freedom. Kuala Lumpur: Suhakam.

Victoria; Jowett, Garth S. (2005). *Propaganda and Persuasion*. Thousand Oaks, California: Sage Publications

Zaharom Nain & Mustafa K. Anuar (1988). Ownership and Control of the Malaysian Media." Media Development, Vol. 14, No. 4.

Zainudin Maidin (2003). Kebebasan Akhbar dalam ***A Case For Media Freedom***: Report of Suhakam's Workshop on Freedom of the Media. Kuala Lumpur: Suhakam.